



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

Tel: 03-8883 2545
Faks: 03-8889 5542
Email: anhisham@moh.gov.my

Ruj Kami : KKM.600-1/3/258 JLD 4 (18)
Tarikh : 6 Ogos 2021

SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM PEGAWAI PERUBATAN SISWAZAH (PPS) SEMASA PANDEMIK COVID-19 (VERSI 3.0): PENGLIBATAN PPS DALAM AKTIVITI PENCEGAHAN, PENGESANAN DAN PERAWATAN KES COVID-19.

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan sedia maklum, sejak bulan Oktober 2020, Malaysia telah dilanda gelombang ketiga pandemik COVID-19 dan susulan itu kes-kes COVID-19 telah meningkat sehingga mencecah puluhan ribu kes dalam sehari. Keadaan ini telah meningkatkan beban petugas kesihatan terutamanya kepada pakar dan pegawai perubatan.

3. Untuk makluman, Mesyuarat *Greater Klang Valley Special Task Force* (GKV STK) pada 26 Julai 2021 (Isnin) telah mengarahkan supaya penelitian dibuat untuk melibatkan Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) dalam aktiviti pencegahan, pengesanan dan perawatan kes COVID-19.

4. Sehubungan itu, satu garis panduan dan buku log PPS yang baharu (Buku Log Program PPS 2021) telah disediakan setelah mendapatkan maklumbalas dari beberapa pihak termasuk Ketua-ketua Perkhidmatan agar PPS dapat **dilibatkan secara langsung** dalam pencegahan, pengesanan dan perawatan kes COVID-19 sebagai salah satu usaha Kementerian Kesihatan Malaysia untuk membendung penularan COVID-19 tanpa menjejaskan latihan siswazah.

5. Sukacita YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan diarahkan untuk melaksanakan Program PPS sebagaimana garis panduan yang dilampirkan bermula dari tarikh surat ini. Susulan itu, garis panduan ini juga perlu dimaklumkan dan diedarkan kepada semua Hospital Latihan Siswazah dan Jabatan yang terlibat dalam Program PPS. Semakan garis panduan akan dibuat secara berkala selaras dengan situasi semasa pandemik COVID-19 dan keperluan latihan PPS.


Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH)

s.k. YB Menteri Kesihatan
Pejabat Menteri Kesihatan

Setiausaha Sulit Kanan kepada YB Menteri Kesihatan
Pejabat Menteri Kesihatan

YB Timbalan Menteri Kesihatan I
Pejabat Timbalan Menteri Kesihatan 1

Setiausaha Sulit Kanan kepada YB Timbalan Menteri Kesihatan I
Pejabat Timbalan Menteri Kesihatan 1

YB Timbalan Menteri Kesihatan II
Pejabat Timbalan Menteri Kesihatan 2

Setiausaha Sulit Kanan kepada YB Timbalan Menteri Kesihatan II
Pejabat Timbalan Menteri Kesihatan 2

Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia
Selaku Komander Pasukan Bertindak Khas Greater Klang Valley

Pengarah Perkembangan Perubatan
Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia

Setiausaha Bahagian
Bahagian Sumber Manusia
Kementerian Kesihatan Malaysia

Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan
Angkatan Tentera Malaysia

Ketua Perkhidmatan
Perkhidmatan Perubatan, KKM

Ketua Perkhidmatan
Perkhidmatan Pembedahan Am, KKM

Ketua Perkhidmatan
Perkhidmatan Obstetrik dan Ginekologi, KKM

Ketua Perkhidmatan
Perkhidmatan Pediatrik, KKM

Ketua Perkhidmatan
Perkhidmatan Ortopedik, KKM

Ketua Perkhidmatan
Perkhidmatan Anestesiologi dan Rawatan Rapi, KKM

Ketua Perkhidmatan
Perkhidmatan Perubatan Kecemasan, KKM

Ketua Perkhidmatan
Perkhidmatan Psikiatri, KKM

Ketua Perkhidmatan
Perkhidmatan Kesihatan Keluarga, KKM

Ketua Pegawai Eksekutif
Majlis Perubatan Malaysia


SENARAI EDARAN

Semua Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri _____

Semua Pengarah Hospital
Hospital Latihan Siswazah _____

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM PEGAWAI
PERUBATAN SISWAZAH (PPS) SEMASA PANDEMIK
COVID-19 (VERSI 3.0):

**PENGLIBATAN PPS DALAM AKTIVITI PENCEGAHAN, PENGESANAN,
DAN PERAWATAN KES COVID-19**



Unit Program Pegawai Perubatan Siswazah
Bahagian Perkembangan Perubatan, KKM

Ogos 2021

ISI KANDUNGAN

PERKARA		MUKA SURAT
Tujuan		3
Latar Belakang		3
Isu Dan Cabaran		3
Objektif		4
Pelaksanaan		4
A)	Aspek Latihan	4
	Orientasi	5
	<i>Tagging</i>	6
	Buku Log Program PPS 2021	6
	<i>Sesi Continuous Medical Education (CME)</i>	7
	Penempatan Latihan Bagi PPS	8
	Tempoh Latihan	9
	Pelanjutan Tempoh Latihan	9
	Sistem Waktu Bekerja	10
	Cuti Latihan	10
	Skop Tugas PPS Semasa Pandemik COVID-19	11
B)	Aspek Pengurusan	12
	Vaksinasi Kepada PPS	12
	Saringan COVID-19 Kepada PPS Sebelum Bertugas	13
	Penempatan PPS Dalam Atau Luar Hospital	13
	Cuti Sakit Akibat COVID-19 (Sama Ada Positif kes COVID-19 Atau Kontak Rapat)	14
	Kemudahan Cuti Rehat	15
	Elaun Fleksi	15
	Elaun Khas COVID-19	15
	Elaun Perjalanan Kenderaan dan Penginapan	16

C)	Aspek Perundangan	16
	Permohonan Sijil Pendaftaran Penuh	16
	Aktiviti Kesukarelawanan	16
Peranan Dan Tanggungjawab		16
	Program Perubatan dan Bahagian Perkembangan Perubatan KKM	16
	Bahagian Sumber Manusia KKM	16
	Jabatan Kesihatan Negeri	17
	Pengarah Hospital Latihan Siswazah Dan Jawatankuasa PPS	17
	Ketua Jabatan Dan Penyelaras PPS	17
	Pengarah/Pengurus Di PPV,CAC,PKRC, Hospital Medan, dll.	18
	Pegawai Perubatan Siswazah	18
Implementasi		18
Lampiran		
1	Garis Panduan Pelaksanaan Program PPS yang dibatalkan	20
2	Bahagian dalam Buku Log Program PPS 2021 dan senarai prosedur	21
3	<i>List of Department-specific Compulsory Performed/Assisted/Observed Procedures</i>	23
4	<i>Component and Weightage for Certificate Completion of Posting (CCP)</i>	24
5	Carta Alir Penempatan PPS Dalam Hospital Latihan Siswazah	25
6A	Senarai Hospital Latihan Siswazah Yang Terlibat Dalam Kawasan Greater Klang Valley - GKV (Kemaskini 4 Ogos 2021)	26
6B	Penempatan PPS di luar hospital bagi kawasan DALAM Greater Klang Valley	27
7	Penempatan PPS di luar hospital bagi kawasan LUAR Greater Klang Valley	28

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM PEGAWAI PERUBATAN SISWAZAH
(PPS) SEMASA PANDEMIK COVID-19 (versi 3.0):
**PENGLIBATAN PPS DALAM AKTIVITI PENCEGAHAN, PENGESANAN, DAN
PERAWATAN KES COVID-19**

TUJUAN

1. Garis Panduan ini untuk menjelaskan pelaksanaan dalam memberi pendedahan latihan kepada PPS untuk turut terlibat dalam aktiviti pencegahan, pengesanan, dan perawatan kes COVID-19 di semua Hospital Latihan Siswazah (HLS).

LATAR BELAKANG

2. Semenjak Januari 2020, penularan wabak COVID-19 yang diisytiharkan oleh WHO sebagai pandemik telah menimbulkan kebimbangan di kalangan rakyat dan anggota kesihatan di Malaysia termasuklah PPS. Namun begitu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa proaktif dalam memastikan pelaksanaan Program PPS tidak terjejas sepanjang pandemik ini. Sehubungan itu, beberapa garis panduan mengenai latihan siswazah sepanjang pandemik ini telah diedarkan bagi memastikan kelancaran latihan siswazah terpelihara dan persekitaran tempat kerja PPS adalah selamat serta kondusif.
3. Keadaan pandemik COVID-19 yang telah melanda negara melebihi 18 bulan memerlukan semakan semula bagi keperluan dan pendedahan PPS dalam perawatan pesakit COVID-19. Hal ini akan dapat meningkatkan tahap kesediaan PPS sebelum bergelar pegawai perubatan dan memberikan pengalaman untuk menangani kes COVID-19 sebelum mereka ditempatkan di hospital atau klinik kesihatan kelak. Sehubungan itu, modul latihan siswazah semasa pandemik COVID-19 perlu dimodifikasi mengikut keperluan semasa agar dapat membantu usaha negara dalam mengekang penularan COVID-19 di samping mengutamakan aspek latihan sedia ada.

ISU DAN CABARAN

4. Sejak Julai 2021, kes baru harian telah mencecah melebihi 10,000 kes pada setiap hari. Hal ini menyebabkan semakin banyak HLS terutamanya di Lembah Klang telah diaktifkan sebagai Hospital *Full* COVID.

5. Sehubungan itu, bilangan *casemix* bagi kes-kes non-COVID semakin berkurangan di HLS menyebabkan latihan siswazah terjejas dan PPS sukar untuk melengkapkan buku log.
6. Selain di hospital dan klinik kesihatan, petugas kesihatan juga diperlukan di pelbagai tempat seperti Pusat Pemberian Vaksin (PPV), Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) dan juga COVID-19 *Assessment Centre* (CAC). Hal ini menyebabkan lebih ramai anggota kesihatan diperlukan termasuklah penglibatan PPS.
7. Pelantikan PPS secara kontrak juga menyebabkan mereka terikat dengan tempoh kontrak yang terhad iaitu selama 3 tahun untuk melengkapkan latihan siswazah. Maka, KKM perlu memastikan PPS dapat menamatkan latihan dalam tempoh tersebut tanpa ada halangan dari aspek latihan.

OBJEKTIF

8. Memberi pendedahan kepada PPS dalam aktiviti pencegahan, pengesanan, dan perawatan kes COVID-19 di semua HLS.
9. Memastikan PPS dapat menjalani latihan siswazah sejajar dengan keperluan Akta Perubatan 1971 dan layak didaftarkan Sijil Pendaftaran Penuh dalam tempoh yang ditetapkan.

PELAKSANAAN

10. Garis panduan ini meliputi **tiga (3) aspek utama** iaitu **aspek latihan, aspek pengurusan dan aspek perundangan**.

11. ASPEK LATIHAN

- 11.1. Bagi memastikan latihan PPS tidak terjejas, maka PPS kini adalah **DIBENARKAN untuk terlibat dalam aktiviti pencegahan, pengesanan, dan perawatan kes COVID-19** di hospital masing-masing mengikut keperluan. Penglibatan PPS adalah sama seperti pakar dan pegawai perubatan tetapi **masih mengutamakan aspek latihan**.

11.2. Sehubungan itu, semua garis panduan pelaksanaan Program PPS semasa pandemik COVID-19 (seperti di **Lampiran 1**) yang diedarkan sebelum ini adalah **TERBATAL**.

11.3. **Orientasi**

11.3.1. Minggu Orientasi di HLS

11.3.1.1. Minggu orientasi perlu dilaksanakan di peringkat hospital setelah PPS melapor diri di hospital tersebut dan mengikut tatacara yang sedia ada namun diberi kelonggaran untuk dilaksanakan secara *video conferencing* atau bersemuka mengikut kesesuaian di hospital masing-masing.

11.3.1.2. Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (UKKP) perlu memberi taklimat kepada PPS berkaitan pengurusan COVID-19 semasa minggu orientasi. Antara aspek yang perlu dimasukkan dalam taklimat tersebut adalah:

- i. Pengetahuan asas berkenaan COVID-19.
- ii. Garis panduan dan *Standard Operating Procedure* (SOP) terkini yang berkaitan dengan anggota kesihatan semasa bertugas secara rasmi dan di luar waktu bertugas sebagaimana yang digariskan oleh KKM.
- iii. Pengendalian dan pengurusan pesakit COVID-19 misalnya proses pemindahan pesakit COVID-19 dari wad biasa/SARI ke wad COVID-19.
- iv. Pencegahan dan kawalan infeksi berkaitan COVID-19.
- v. Jadual tugas dalam perawatan pesakit COVID-19 di tempat yang telah ditetapkan.
- vi. Cara membuat dokumentasi yang betul dan borang-borang yang berkaitan semasa pengendalian kes COVID-19.
- vii. Pematuhan terhadap pemakaian *Personal Protective Equipment* (PPE) yang betul mengikut garis panduan.
- viii. Lain-lain perkara yang difikirkan perlu untuk dijelaskan oleh UKKP atau Pakar Perubatan kepada PPS.

11.3.2. Orientasi di PPV, CAC, PKRC, hospital medan, dan lain-lain

11.3.2.1. Pengurus/Penyelaras perlu memberi orientasi kepada PPS yang ditugaskan di tempat masing-masing.

11.3.2.2. Orientasi berkenaan haruslah bersesuaian dengan skop tugas PPS di tempat berkenaan.

11.4. **Tagging**

11.4.1. Tagging di setiap jabatan di HLS

11.4.1.1. Pelaksanaan *tagging* di setiap jabatan di hospital adalah **sama** seperti tatacara yang telah ditetapkan dalam garis panduan sedia ada yang diedarkan pada 14 April 2016. Aktiviti *tagging* perlu disesuaikan dari semasa ke semasa dan semua aktiviti latihan mestilah dilaksanakan dengan mengutamakan keselamatan PPS daripada dijangkiti wabak COVID-19.

11.4.2. Tagging di PPV, CAC, PKRC, hospital medan, dan lain-lain

11.4.2.1. Bagi PPS yang ditugaskan di tempat-tempat tersebut, PPS **tidak lagi perlu menjalani tagging** tetapi **perlu diberi orientasi** oleh pihak yang berkaitan.

11.5. **Buku Log Program PPS 2021**

11.5.1. Dengan pengedaran garis panduan ini, satu buku log yang baharu (Buku Log Program PPS 2021) akan digunakan bagi menggantikan buku log sedia ada. Modul latihan dalam Buku Log Program PPS 2021 tersebut telah mendapat persetujuan Ketua-ketua Perkhidmatan yang berkaitan. Penggunaan Buku Log Program PPS 2021 ini adalah **bersifat sementara** sehingga tamat pandemik ini. Sekiranya pandemik COVID-19 berakhir, PPS akan kembali menggunakan buku log yang asal atau yang lebih baharu tertakluk kepada perubahan.

11.5.2. Terdapat **4 bahagian utama** dalam Buku Log Program PPS 2021 (**Lampiran 2**) iaitu:

11.5.2.1. *Part A : General Clinical Procedures*

11.5.2.2. *Part B : Professionalism & Ethics*

11.5.2.3. *Part C : Introduction to COVID-19*

- i. Bagi PPS yang disahkan mengandung atau mempunyai penyakit kurang daya tahan jangkitan

(*immunocompromised*), mereka boleh dinilai secara teori atau simulasi untuk bahagian ini.

11.5.2.4. *Part D : Department-specific procedures and assessments*

- i. Dalam situasi tertentu (seperti ketiadaan kes atau keperluan mendesak), kelonggaran boleh diberikan agar PPS dapat dinilai secara simulasi oleh pakar penyelia.
- ii. Senarai prosedur bagi setiap jabatan adalah seperti dalam **Lampiran 3**

11.5.3. Setiap bahagian tersebut mempunyai pemarkahan dan pemberat (*weightage*) yang tersendiri untuk dikira dalam permarkahan *Certificate Completion of Posting* (CCP) seperti di **Lampiran 4**. PPS perlu mencapai markah CCP **minimum 60%** untuk layak diperakukan lulus dalam sesuatu jabatan (***exit posting mark***). Oleh itu, **penilaian di hujung posting** (*End Of Posting Assessment*) di setiap jabatan adalah **dimansuhkan**.

11.5.4. Mana-mana jabatan adalah **tidak dibenarkan untuk mengurang atau menambah apa-apa syarat** untuk lulus sesuatu posting tanpa merujuk kepada Bahagian Perkembangan Perubatan KKM (BPP KKM).

11.5.5. Buku Log Program PPS 2021 ini boleh dimuatturun di Portal Rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia untuk kegunaan PPS di hospital masing-masing.

11.5.6. Dalam memastikan kelancaran latihan siswazah, PPS dalam posting sekarang diberi kelonggaran sama ada ingin melengkapkan buku log sedia ada atau menggunakan buku log yang baharu iaitu Buku Log Program PPS 2021. Namun begitu, bagi PPS yang memasuki posting seterusnya, PPS wajib menggunakan Buku Log Program PPS 2021 tersebut.

11.5.7. Sebagaimana garis panduan sebelum ini, Buku Log Program PPS 2021 yang **lengkap** juga perlu disahkan oleh Pakar Penyelia masing-masing serta **dikemukakan** kepada pihak pengurusan hospital sekurang-kurangnya **14 hari sebelum tamat tempoh sesuatu posting**.

11.6. **Sesi *Continous Medical Education* (CME)**

11.6.1. Pelaksanaan CME masih perlu diteruskan mengikut kesesuaian di jabatan masing-masing. **Bilangan CME yang wajib dihadiri** oleh PPS dikurangkan daripada 12 sesi CME kepada **5 sesi** sahaja.

11.6.2. Sesi CME disaran agar dilaksanakan mengikut fleksibiliti dan kesesuaian termasuklah secara atas talian, *video conferencing* atau pemberian nota kepada PPS.

11.7. Penempatan Latihan

11.7.1. PPS masih perlu menjalani 6 posting di 6 jabatan yang berbeza sebagaimana ketetapan sedia ada.

11.7.2. Memandangkan PPS dibenarkan untuk terlibat dalam aktiviti pencegahan, pengesanan, dan perawatan kes COVID-19, maka PPS boleh ditugaskan di tempat yang bersesuaian (sama ada di dalam atau luar hospital).

11.7.3. Penempatan latihan bagi PPS dalam HLS yang sama:

11.7.3.1. Penempatan latihan PPS dalam hospital yang sama akan ditentukan oleh Pengarah Hospital atau Jawatankuasa Program PPS (JKPPS) melalui konsep guna sama (*common pool*). Contohnya, PPS di Jabatan Ortopedik boleh ditempatkan di Jabatan Kecemasan mengikut keperluan semasa bagi pengurusan COVID-19.

11.7.3.2. PPS boleh ditugaskan di mana-mana kawasan dalam hospital yang bersesuaian yang **HANYA** terlibat dalam aktiviti pencegahan, pengesanan, dan perawatan kes COVID-19 walaupun di jabatan yang berbeza **seperti:**

- i. Wad COVID (zon bersih dan zon kotor)
- ii. Wad SARI (zon bersih dan zon kotor)
- iii. Wad *Non-COVID*
- iv. ICU COVID
- v. Kaunter saringan / COVID *tent*
- vi. PPV hospital

11.7.3.3. Penempatan PPS dalam hospital yang bersifat **cross jabatan** ini hanyalah **terpakai kepada 9 jabatan yang terlibat dalam latihan siswazah sahaja** iaitu Perubatan, Pediatrik, Pembedahan, Ortopedik, Obsterik & Ginekologi, Kecemasan, Psikiatrik, Anestesiologi, dan Kesihatan Primer.

11.7.4. Penempatan PPS di luar HLS:

- 11.7.4.1. Selain penempatan dalam hospital, PPS juga boleh ditempatkan di luar hospital berdasarkan keperluan seperti di **PPV, CAC, PKRC, hospital medan atau tempat-tempat lain yang bersesuaian.**
- 11.7.4.2. Penempatan PPS mestilah dibuat berdasarkan nisbah 1 orang PPS kepada 10 buah katil (1:10).
- 11.7.4.3. Pihak JKN perlu **memastikan terdapat pakar penyelia** yang ditugaskan di tempat-tempat tersebut untuk memantau latihan PPS. Hal ini disebabkan PPS belum mempunyai sijil pendaftaran penuh dan perlu menjalani latihan di bawah penyeliaan pakar perubatan.
- 11.7.4.4. Penempatan PPS di luar hospital adalah secara rotasi (maksimum selama 2 bulan) bergantung kepada keperluan semasa.
- 11.7.4.5. Penjelasan bagi permohonan dan arahan penempatan adalah seperti dijelaskan dalam perkara 12.4.

11.8. **Tempoh Latihan**

- 11.8.1. Tempoh latihan bagi setiap jabatan masih kekal selama 4 bulan sebagaimana ketetapan sedia ada.
- 11.8.2. Dalam tempoh 4 bulan tersebut, sekiranya PPS ditugaskan di mana-mana kawasan dalam atau luar hospital (sebagaimana yang dijelaskan dalam perkara 13.7), tempoh **maksimum** bagi penempatan tersebut adalah selama **2 bulan sahaja.**
 - 11.8.2.1. Baki 2 bulan mestilah ditempatkan di jabatan asal bagi melengkapkan latihan di jabatan berkenaan.
 - 11.8.2.2. Penggiliran sama ada PPS di dalam atau luar hospital berkenaan adalah mengikut keperluan semasa yang ditentukan oleh pihak hospital dan JKN.

11.9. **Pelanjutan Tempoh Latihan**

- 11.9.1. Prinsip pelanjutan tempoh latihan **bagi kategori kompetensi** adalah **kekal** mengikut tatacara sedia ada iaitu 2 bulan + 2 bulan + 3 bulan (bagi penilaian terakhir di hospital lain).
- 11.9.2. Sekiranya tempoh latihan PPS dilanjutkan, PPS perlu **mengisi buku log yang baharu** untuk mencapai markah minimum sebanyak 60%.

11.9.3. Manakala, prinsip pelanjutan tempoh latihan **bagi kategori bukan kompetensi** adalah sama seperti yang dijelaskan dalam perkara 11.11 (cuti latihan).

11.10. **Sistem Waktu Bekerja**

11.10.1. Sistem waktu bekerja di HLS

11.10.1.1. **Sistem waktu bekerja secara secara fleksi** adalah **kek**al mengikut tatacara yang sedia ada iaitu dengan purata tempoh bekerja selama 60-62 jam dalam seminggu.

11.10.2. Sistem waktu bekerja di luar HLS (PPV, CAC, PKRC, hospital medan atau tempat-tempat lain yang bersesuaian)

11.10.2.1. Sistem waktu bekerja di tempat-tempat tersebut adalah **mengikut kesesuaian berdasarkan ketetapan oleh Pengarah/Pengurus/Penyelaras di tempat masing-masing.**

11.10.2.2. Selain itu, Pengarah/Pengurus/Penyelaras mestilah memastikan agar:

- i. Sistem waktu bekerja yang digunakan bagi PPS **mencapai purata sebanyak 60-62 jam seminggu** agar PPS masih layak diberikan elaun fleksi.
- ii. PPS **tidak dijadualkan** untuk bertugas **melebihi 14 jam secara berterusan** pada satu-satu sesi tanpa diberikan masa rehat
- iii. PPS diberikan pelepasan cuti (*off day*) sekurang-kurangnya sehari dalam seminggu.

11.11. **Cuti Latihan**

11.11.1. Bagi mana-mana PPS yang diberi **cuti kuarantin atau pelepasan khas** (seperti kuarantin di rumah), cuti kuarantin atau pelepasan khas tersebut **tidak akan menolak** bilangan **cuti rehat tahunan** dan **cuti latihan** PPS dalam satu-satu posting.

11.11.2. Sekiranya PPS diarahkan untuk menjalani kuarantin/isolasi di rumah, maka Ketua Jabatan/Penyelaras adalah bertanggungjawab untuk memastikan PPS tersebut diberikan surat arahan kuarantin atau cuti sakit. Sebagaimana yang telah dijelaskan, perkara ini juga tidak akan menolak bilangan cuti rehat PPS.

- 11.11.3. Sekiranya PPS diarahkan untuk menjalani kuarantin (di rumah atau di pusat kuarantin) atau mendapat cuti sakit akibat COVID-19, maka pertimbangan **penggantian tempoh latihan** dalam sesuatu posting **bergantung sama ada pegawai telah melengkapkan buku log atau tidak**.
- 11.11.4. Sekiranya pegawai belum melengkapkan buku log, maka PPS sewajarnya menggantikan tempoh latihan sebanyak mana tempoh PPS menjalani kuarantin atau cuti sakit akibat COVID-19 tersebut.
- 11.11.5. Sekiranya pegawai telah melengkapkan buku log dan diperakukan lulus, maka PPS boleh meneruskan latihan di posting berikutnya tanpa perlu menggantikan tempoh kuarantin atau cuti sakit tersebut.
- 11.11.6. Tarikh PPS memulakan posting seterusnya dikira pada tarikh asal jika tempoh kuarantin atau cuti sakit melebihi tarikh PPS sepatutnya melapor diri dalam sesuatu jabatan. (Contohnya, jika PPS A yang telah diperakukan lulus di posting Ortopedik dan sepatutnya melapor diri di posting Pembedahan pada 10 Januari 2021 tetapi beliau diarahkan kuarantin atau cuti sakit dari 5 Januari 2021 sehingga 14 Januari 2021, maka tarikh PPS memulakan posting Pembedahan dikira dari 10 Januari 2021).
- 11.11.7. PPS layak untuk mengambil cuti rehat tahunan dan cuti kelepasan am tetapi **tertakluk kepada kelulusan Ketua Jabatan atau Pengarah/Pengurus/Penyelaras** bagi tempat-tempat yang ditugaskan mengikut keadaan semasa.

11.12. **Skop Tugas PPS Semasa Pandemik COVID-19**

- 11.12.1. Selain menjalani latihan yang telah ditetapkan dalam Buku Log Program PPS 2021, PPS juga bertanggungjawab untuk membantu pakar dan pegawai perubatan dalam memberi khidmat kesihatan secara langsung kepada pesakit ketika pandemik COVID-19.
- 11.12.2. Oleh itu, skop tugas dan latihan bagi PPS perlu bersesuaian mengikut tempat yang ditugaskan.
- 11.12.3. Antara tugas-tugas PPS adalah seperti berikut:
- 11.12.3.1. Tugas-tugas asas:
- i. Mengambil sejarah penyakit dan membuat pemeriksaan fizikal ke atas pesakit COVID-19 semasa di wad.

- ii. Membantu dalam dokumentasi rawatan pesakit COVID-19 di wad seperti menulis *review* atau mengisi borang yang berkaitan.
- iii. Membuat prosedur ringkas seperti mengambil darah pesakit, *urinary catheterization*, memasukkan *Ryle's Tube*, dan lain-lain.
- iv. lain-lain tugas asas PPS seperti yang dinyatakan dalam buku-buku log PPS.

11.12.3.2. Tugas-tugas khusus:

- i. Melakukan prosedur mudah seperti *Nasopharyngeal and Oropharyngeal Sampling*.
- ii. Tugas-tugas dalam pengesanan kontak rapat dan kes-kes COVID-19.
- iii. Lain-lain tugas yang dianggap sesuai oleh Ketua Jabatan/Pengarah Hospital dalam pengendalian dan perawatan pesakit COVID-19.

11.12.3.3. Tugas mengiringi pesakit menggunakan perkhidmatan ambulans (darat,laut, atau udara).

- i. Sebagaimana yang dinyatakan dalam Buku Garis Panduan Program PPS 2012, PPS **tidak dibenarkan** untuk mengiringi pesakit tanpa penyeliaan dan pengawasan pakar atau pegawai perubatan secara langsung dengan menggunakan perkhidmatan ambulans (sama ada darat, laut, atau udara).

12. ASPEK PENGURUSAN

12.1. Sebagaimana yang telah dinyatakan, PPS kini dibenarkan untuk terlibat dalam aktiviti pencegahan, pengesanan, dan perawatan pesakit COVID-19 di hospital masing-masing mengikut keperluan. Maka, aspek pengurusan perlu disesuaikan mengikut keadaan semasa.

12.2. Vaksinasi Kepada PPS

12.2.1. Pihak pengurusan hospital perlu mengutamakan vaksinasi kepada PPS agar keselamatan PPS terjamin sepanjang tempoh latihan.

12.3. **Saringan COVID-19 Kepada PPS Sebelum Bertugas**

12.3.1. Pihak HLS bertanggungjawab untuk membuat saringan COVID-19 terhadap PPS di hospital masing-masing **sebelum** PPS melaporkan diri di luar hospital terutamanya di CAC, PKRC, atau hospital medan bergantung kepada keperluan.

12.4. **Penempatan PPS Dalam Hospital Yang Sama Atau Di Luar Hospital (PPV, CAC, PKRC, Hospital Medan, Dan Lain-Lain)**

12.4.1. Penempatan PPS dalam HLS yang sama:

12.4.1.1. Penjelasan adalah sama seperti dalam perkara 11.7.3.

12.4.1.2. Carta alir adalah seperti dalam **Lampiran 5**.

12.4.2. Penempatan PPS di luar hospital bagi kawasan **DALAM Greater Klang Valley:**

12.4.2.1. Pada 12 Julai 2021, KKM telah menubuhkan Pasukan Bertindak Khas *Greater Klang Valley (Greater Klang Valley Special Task Force – GKV STF)* bagi menangani situasi semasa di negeri Selangor, Kuala Lumpur & Putrajaya, Negeri Sembilan, selatan Perak, dan barat Pahang. Senarai HLS yang terlibat dalam kawasan *Greater Klang Valley* adalah seperti di **Lampiran 6A**.

12.4.2.2. Permohonan keperluan PPS di luar hospital seperti PPV, CAC, PKRC, hospital medan atau tempat-tempat lain yang bersesuaian di bawah kawasan *Greater Klang Valley* perlu disalurkan kepada GKV STF HR Unit.

12.4.2.3. GKV STF kemudiannya akan menyelaras dan memaklumkan kepada BPP (sekiranya permohonan untuk mendapatkan PPS dari Hospital Kuala Lumpur atau Hospital Pengajar Universiti) atau JKN (sekiranya permohonan untuk mendapatkan PPS dari JKN Selangor/Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya/Negeri Sembilan/Perak/Pahang).

12.4.2.4. BPP atau JKN akan meneliti bilangan PPS yang boleh ditempatkan di tempat-tempat tersebut berdasarkan **nisbah 1 orang PPS kepada 10 katil (1:10)** pada satu-satu masa agar PPS diberikan pendedahan latihan yang secukupnya. Contohnya, sekiranya sesuatu PKRC mempunyai 200 buah katil dan menggunakan dua syif, maka hanya 40 orang PPS

(200 ÷ 10 x 2) boleh ditempatkan pada satu-satu masa mengikut jadual tugas yang ditetapkan.

12.4.2.5. BPP atau JKN akan memohon senarai nama PPS dari HLS yang berkaitan dan mengeluarkan surat arahan penempatan kepada HLS terbabit. Sesalinan pemakluman perlu dikemukakan kepada Bahagian Sumber Manusia KKM (BSM KKM).

12.4.2.6. Carta alir penempatan PPS di luar hospital bagi kawasan **DALAM Greater Klang Valley** adalah seperti di **Lampiran 6B**.

12.4.3. **Penempatan PPS di luar hospital bagi kawasan LUAR Greater Klang Valley:**

12.4.3.1. Permohonan keperluan PPS di luar hospital seperti PPV, CAC, PKRC, hospital medan atau tempat-tempat lain yang bersesuaian di negeri-negeri lain perlu disalurkan kepada JKN masing-masing.

12.4.3.2. Kemudian, pihak JKN akan meneliti bilangan PPS yang boleh ditempatkan di tempat-tempat tersebut berdasarkan **nisbah 1 orang PPS kepada 10 katil (1:10)** pada satu-satu masa.

12.4.3.3. Setelah JKN meneliti bilangan PPS yang boleh ditugaskan di tempat tersebut, pihak JKN perlu memohon senarai nama PPS dari HLS di bawah JKN masing-masing dan mengeluarkan surat arahan penempatan PPS tersebut. Sesalinan pemakluman perlu diberikan kepada BPP KKM dan BSM KKM untuk makluman.

12.4.3.4. Carta alir penempatan PPS di luar hospital bagi kawasan **LUAR Greater Klang Valley** adalah seperti di **Lampiran 7**.

12.5. **Cuti Sakit Akibat COVID-19 (Sama Ada Kes Positif COVID-19 Atau Kontak Rapat)**

12.5.1. Sepanjang tempoh latihan, PPS berisiko untuk dijangkiti penyakit COVID-19. Oleh itu, adalah wajar PPS diberi cuti sakit atau surat pelepasan khas (jika diarahkan untuk kuarantin di rumah sendiri atau pusat kuarantin) sekiranya PPS didapati positif COVID-19 ketika bertugas.

- 12.5.2. Jumlah cuti sakit yang diberikan kepada mana-mana PPS akibat COVID-19 (kes positif COVID-19 atau kontak rapat) **tidak akan menolak bilangan cuti rehat** PPS dalam posting sedia ada.
- 12.5.3. Selain itu, JKN dan Pengarah Hospital bertanggungjawab untuk memberi keutamaan kepada PPS tersebut untuk dimasukkan ke pusat kuarantin atau wad COVID-19 sekiranya perlu.
- 12.5.4. Sebagaimana yang digariskan dalam **Surat Pekeliling Ketua Setiausaha KKM Bil.4 tahun 2016 (SPKSU Bil.4/2016)**, perkara berkaitan cuti sakit dalam pekeliling tersebut juga terpakai kepada PPS yang diberi cuti sakit akibat jangkitan COVID-19 semasa menjalani latihan. Sekiranya bilangan cuti sakit telah melebihi jumlah hari yang ditetapkan (iaitu 90 hari dalam satu tahun kalendar) dan didapati cuti sakit akibat jangkitan COVID-19 adalah lebih banyak berbanding dengan cuti sakit lain, maka cadangan penamatan masih perlu dikemukakan kepada BSM, IPKKM. Namun begitu, Pengarah Hospital disarankan untuk menyertakan sekali surat sokongan supaya PPS tersebut tidak ditamatkan dan dapat dipertimbangkan semula oleh KKM.
- 12.6. **Kemudahan Cuti Rehat**
- 12.6.1. PPS layak untuk mengambil cuti rehat tahunan dan cuti kelepasan am tetapi **tertakluk kepada kelulusan Ketua Jabatan atau Penyelaras** bagi tempat-tempat yang ditugaskan mengikut keadaan semasa.
- 12.7. **Elaun Fleksi**
- 12.7.1. Semua PPS layak menerima pembayaran Elaun Waktu Bekerja Fleksi sebanyak RM 600 sebulan berdasarkan tatacara elaun fleksi sedia ada.
- 12.8. **Elaun Khas COVID-19**
- 12.8.1. Selaras dengan arahan yang dikeluarkan menerusi Surat Pekeliling Ketua Setiausaha KKM Bil. 2 tahun 2020 bertarikh 16 Mac 2020 dan surat edaran Ketua Setiausaha KKM bertarikh 21 April 2020 yang bertajuk “Penambahbaikan Dalam Pemberian Elaun Khas Kepada Doktor Dan Anggota Kesihatan Yang Terlibat Secara Langsung Dalam Usaha Menangani Dan Membendung Penularan Wabak COVID-19”, PPS juga **layak untuk membuat tuntutan bagi elaun khas COVID-19**.
- 12.8.2. Kadar elaun khas COVID-19 adalah tertakluk kepada polisi dan pekeliling yang diedarkan oleh KKM dari semasa ke semasa.

12.8.3. Pihak pengurusan di mana PPS tersebut bertugas perlu memudahcara proses tuntutan elaun dan membantu PPS dengan menyediakan dokumen yang berkaitan seperti borang tuntutan elaun COVID-19 dan salinan surat arahan bertugas.

12.9. **Elaun Perjalanan Kenderaan dan Penginapan**

12.9.1. PPS adalah **layak** untuk membuat tuntutan elaun perjalanan kenderaan atau penginapan berdasarkan pekeliling semasa. Sebarang tuntutan perlu disahkan di tempat yang ditugaskan.

13. ASPEK PERUNDANGAN

13.1. **Permohonan Sijil Pendaftaran Penuh**

13.1.1. PTJ asal bertanggungjawab dalam memastikan kelancaran proses permohonan pendaftaran penuh bagi mana-mana PPS termasuklah penyediaan dokumen yang berkaitan.

13.1.2. Majlis Perubatan Malaysia (MPM) bertanggungjawab untuk memudahcara permohonan pendaftaran penuh PPS yang berada dalam posting kelima dan posting keenam.

13.2. **Aktiviti Kesukarelawanan**

13.2.1. PPS yang ingin melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawanan semasa pandemik COVID-19 perlu mendapatkan kelulusan dari Ketua Jabatan dan memastikan latihan siswazah mereka tidak terjejas.

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

14. Program Perubatan KKM dan Bahagian Perkembangan Perubatan, KKM (BPP)

14.1. Memastikan polisi Program PPS disesuaikan dengan keadaan semasa terutamanya dalam keadaan penularan wabak COVID-19 sekarang agar kesinambungan latihan siswazah dan kesejahteraan PPS terjamin.

14.2. Memastikan maklumat-maklumat terkini disampaikan kepada semua JKN dan semua HLS dengan cepat dan berkesan.

15. Bahagian Sumber Manusia KKM (BSM)

15.1. Menerima, mengumpul dan menyelaraskan data penempatan PPS terutamanya bagi penempatan di luar hospital seperti di PPV, CAC, atau PKRC.

- 15.2. Memastikan penempatan PPS di luar hospital berjalan dengan lancar mengikut keperluan semasa.
- 15.3. Memaklumkan kepada Program Perubatan mengenai maklumat penempatan PPS di luar hospital.

16. Jabatan Kesihatan Negeri

- 16.1. Berkomunikasi dengan pihak yang berkaitan (seperti GKV STF, HLS, Pengurus/Penyelaras PPV, CAC, PKRC, hospital medan, dan lain-lain) terutamanya berkaitan keperluan PPS dari semasa ke semasa.
- 16.2. Memastikan terdapat pakar penyelia ditugaskan di PPV, CAC, PKRC, atau hospital medan bagi menyelia latihan PPS sekiranya PPS diperlukan di tempat-tempat tersebut.
- 16.3. Memastikan PPS yang ditugaskan di luar hospital dilaksanakan secara rotasi antara HLS yang terlibat dan mengikut nisbah 1 PPS kepada 10 katil (1:10).
- 16.4. Memudahkan penginapan dan perjalanan PPS seperti menyediakan surat kebenaran bertugas sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan berlaku.
- 16.5. Memantau dan memastikan latihan siswazah di luar hospital dilaksanakan dengan lancar mengikut polisi sedia ada.
- 16.6. Memaklumkan kepada BPP KKM dan GKV STF HR Unit mengenai maklumat penempatan PPS di luar hospital.

17. Pengarah Hospital Latihan Siswazah dan Jawatankuasa PPS Peringkat Hospital

- 17.1. Memutuskan penempatan bagi PPS di **dalam hospital** bagi tujuan guna sama (*common pool*) mengikut kesesuaian sebagaimana yang telah dijelaskan di atas.
- 17.2. Menerima senarai nama PPS yang dicadangkan oleh Ketua Jabatan untuk penempatan di **luar hospital**.
- 17.3. Berbincang dengan pakar perubatan yang merawat pesakit COVID-19 berkaitan skop tugas lain yang sesuai kepada PPS.

18. Ketua Jabatan dan Penyelaras PPS

- 18.1. Memastikan PPS menggunakan Buku Log Program PPS 2021 yang akan diedarkan bersama garis panduan ini.
- 18.2. Memastikan PPS berpeluang untuk dinilai dalam Part D Buku Log Program PPS 2021 sepanjang penempatan PPS di jabatan masing-masing sama ada sebelum atau selepas PPS ditugaskan di luar jabatan.
- 18.3. Memastikan PPS menjalani latihan di jabatan masing-masing selama sekurang-kurangnya 2 bulan dan dinilai dalam Part D Buku Log Program PPS 2021

(sebelum atau selepas ditempatkan di dalam/luar hospital) agar penilaian yang perlu dijalani oleh PPS dapat dilaksanakan.

19. Pengarah/Pengurus Di Luar Hospital (PPV/CAC/PKRC/Hospital Medan/Tempat-Tempat Lain)

- 19.1. Melantik seorang Penyelaras untuk mengendalikan PPS di tempat masing-masing.
- 19.2. Memberi taklimat kepada PPS yang baru melapor diri di tempat masing-masing.
- 19.3. Menyelaras jadual bagi PPS dan memastikan PPS menjalani latihan dengan lancar.
- 19.4. Membuat penilaian serta pengesahan dalam Buku Log Program PPS 2021 (terutamanya *Part C : Introduction to COVID-19*).
- 19.5. Memudahkan urusan tuntutan perjalanan kenderaan dan penginapan PPS yang terlibat.
- 19.6. Berhubung dengan pihak JKN mengenai keperluan sumber manusia anggota kesihatan di tempat masing-masing.

20. Pegawai Perubatan Siswazah (PPS)

- 20.1. Sentiasa bersedia sekiranya menerima arahan untuk bertugas di luar hospital.
- 20.2. Mematuhi segala arahan dan peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak hospital dan KKM.
- 20.3. Memastikan buku log dilengkapkan dalam tempoh 4 bulan posting (terutamanya Part D dilaksanakan di jabatan yang berkaitan) walaupun ditugaskan di luar hospital seperti di PPV,CAC,PKRC, atau hospital medan.
- 20.4. Memaklumkan tahap kesihatan diri kepada Ketua Jabatan atau Pengarah/Pengurus bagi penempatan di luar hospital dari semasa ke semasa seperti PPS yang disahkan:
 - 20.4.1. sedang mengandung;
 - 20.4.2. positif COVID-19;
 - 20.4.3. mempunyai penyakit kurang daya tahan jangkitan (*immunocompromised*); atau
 - 20.4.4. mempunyai masalah kesihatan mental.

21. Implementasi

- 21.1. Dengan edaran garis panduan ini, maka semua garis panduan pelaksanaan Program PPS semasa pandemik COVID-19 yang telah diedarkan sebelum ini adalah **TERBATAL** (Lampiran 1).

- 21.2. Sebarang isu berbangkit yang timbul akan dipertimbangkan oleh pengurusan tertinggi berdasarkan kes (*case by case basis*).
- 21.3. Perkara-perkara yang tidak dijelaskan dalam garis panduan ini akan dibawa untuk diputuskan oleh Ketua Pengarah Kesihatan (KPK).
- 21.4. Sebarang pertanyaan berkaitan dengan garis panduan ini boleh dikemukakan kepada :

Pengarah Perkembangan Perubatan
Bahagian Perkembangan Perubatan,
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 6, Blok E1, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA
(U/P : Unit Program Pegawai Perubatan Siswazah)
Tel : 03-8883 1104/1107
Email : unitpps@moh.gov.my

Garis Panduan Berikut Adalah DIBATALKAN.

Bil.	Perkara	Nombor Rujukan	Tarikh Edaran
1.	Garis Panduan Pelaksanaan Program PPS Semasa Wabak COVID-19 (versi 1.0)	Rujukan KKM.600-1/3/258 JLD 3 (32)	3 April 2020
2.	Standard Operating Prosedure bagi Penempatan PPS di wad Severe Acute Respiratory Infection (SARI) semasa wabak COVID-19	KKM.600-1/3/258 JLD 3 (34)	19 Mei 2020
3.	Garis Panduan Pelaksanaan Program PPS semasa COVID-19 (versi 2.0) : Kelonggaran kepada PPS untuk membantu dalam perawatan pesakit COVID-10	KKM.600-1/3/258 JLD 3 (56)	18 Januari 2021
4.	Pindaan perkara 13.4 dalam Garis Panduan Pelaksanaan Program PPS semasa COVID-19 (versi 2.0)	KKM.600-1/3/258 JLD 3 (59)	29 Januari 2021
5.	Penglibatan PPS di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) semasa menjalani Rotasi COVID-19	KKM.600-1/3/258 JLD 4 (12)	17 Jun 2021
6.	Kelonggaran Bagi Penempatan PPS di Zon Bersih dalam Wad COVID semasa Pandemik COVID-19	KKM.600-1/3/258 JLD 4 (15)	21 Julai 2021

Bahagian Dalam Buku Log Program PPS 2021 Dan Senarai Prosedur**Part A: General Clinical Procedures (10 point for each)**

1. Venipuncture
2. Intravenous Line Insertion
3. Arterial Puncture for Blood Gas Sampling
4. Blood Culture via Peripheral Venepuncture
5. Urinary Catheterisation (Male/Female)
6. Oxygen Administration and Therapy
7. Perform and Interpret ECG
8. Nasogastric Tube Insertion
9. Cardiopulmonary Resuscitation (Adult/Paediatrics)
10. Safe Prescribing of Intravenous Fluid Regime (Adult/Paediatrics)

Total point : ____ / 100

Part B : Professionalism & Ethics

Please rate the level of competency according to the scale (by circling a number)

Part B1	Communication and clinical skills	Extremely weak	Very weak	Weak	Below Average	Average	Above Average	Good	Very Good	Excellent	Out-standing
1.	Clerkship	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
2.	Clinical case presentation	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
3.	Writing discharge summary	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
4.	Breaking bad news	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
5.	Written Consent for procedures	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
6.	Do not Resuscitate (DNR) Orders	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10

Part B2	Working in team	Extremely weak	Very weak	Weak	Below Average	Average	Above Average	Good	Very Good	Excellent	Out-standing
1.	Effective and safe handover	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
2.	Writing Referral letter	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10

Total point : ____ / 80

Part C : Introduction to COVID-19

Please rate the level of competency according to the scale

No.	Component	Extremely weak	Very weak	Weak	Below Average	Average	Above Average	Good	Very Good	Excellent	Out-standing
1	Hand Hygiene	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
2	Donning & Doffing	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
3	Xray interpretation	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
4	Swabbing & management of sampling	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
5	Treatment of COVID-19	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
6	Intubation / Oxygen therapy	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
7	Ventilator care bundle	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
8	Patient counselling	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
9	Family therapy	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
10	Rehabilitation post-covid	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10

Note:

House Officer who is pregnant or immunocompromised is NOT ALLOWED to treat COVID patients directly. Thus, they can be assessed theoretically in this part.

Points are given by person-in-charge of the COVID centre (sign and stamp)

Total point : ____ / 100

Part D : Department-specific procedures and assessment

No.	Component	Requirement	Points	Maximum point
1.	CME	5 topics only	1 point for each	5
2.	Compulsory Performed/Assisted/Observed Procedures	3 types of department-specific procedures only (5 of each type)	1 point for each	15
3.	Mini-Clinical Evaluation Exercise (Mini-CEX)	1 mini-CEX only	Using scale 1 to 5 (6 components)	30
4.	Case-Based Discussion (CBD)	1 CBD only	Using scale 1 to 5 (6 components)	30
5.	Multisource Feedback (MSF)	From 2 sources only 1 from any MA/Staff nurse 1 from any Medical Officer/Specialist	Using scale 1 to 5 (4 components)	40


Total point : ____ / 120

**List of Department-specific Compulsory Performed/Assisted/Observed
Procedures**

No.	Department	Procedures
1.	Pediatric	<ol style="list-style-type: none"> 1. Resuscitation of newborn 2. Resuscitation of children 3. Nasogastric Tube Insertion in pediatric
2.	Surgical	<ol style="list-style-type: none"> 1. Toilet & suturing 2. Incision & drainage 3. Wound desloughing and debridement
3.	Orthopedic	<ol style="list-style-type: none"> 1. Splinting and immobilization of fractures 2. Toilet and suturing 3. CMR and application of POP
4.	Obstetrics & Gynecology	<ol style="list-style-type: none"> 1. Normal vaginal delivery 2. Lower segment caesarian section 3. CTG application and interpretation
5.	Medical	<ol style="list-style-type: none"> 1. Insertion of femoral venous catheter 2. Insertion of central venous catheter (jugular/subclavian) 3. Nasogastric Tube Insertion
6.	Emergency	<ol style="list-style-type: none"> 1. Focused Assessment with Sonography for Trauma (FAST scan) 2. Defibrillation, synchronized cardioversion, transcutaneous pacing 3. Rapid sequence intubation (RSI)
7.	Anesthesiology	<ol style="list-style-type: none"> 1. Endotracheal intubation 2. Spinal Anaesthesia 3. Induction and reversal of general anaesthesia
8.	Psychiatry	<ol style="list-style-type: none"> 1. Psychoeducation 2. Mental health promotion 3. Assertive community care
9.	Primary care	<ol style="list-style-type: none"> 1. Basic antenatal ultrasound 2. Delivery of bronchodilator 3. Wound care

Component and Weightage for Certificate Completion of Posting (CCP)


Part	Component		Points	Weightage	Calculation	Marks obtained
A	General Clinical Procedures		____ / 100	30 %	$\frac{\text{point}}{100} \times 30$	
B	Professionalism & Ethics					
	B1	Communication and clinical skills	____ / 60			
	B2	Working in team	____ / 20			
	Total points for Part B		____ / 80	10 %	$\frac{\text{point}}{80} \times 10$	
C	Introduction to COVID-19		____ / 100	30 %	$\frac{\text{point}}{100} \times 30$	
D	Department-specific procedures and assessment					
	D1	CME	____ / 5			
	D2	Compulsory Performed/Assisted/Observed/Procedures	____ / 15			
	D3	Mini-Clinical Evaluation Exercise (Mini-CEX)	____ / 30			
	D4	Case-Based Discussion (CBD)	____ / 30			
	D5	Multisource Feedback (MSF)	____ / 40			
	Total points for Part D		____ / 120	30 %	$\frac{\text{point}}{120} \times 30$	
Note: Passing mark (exit posting) is $\geq 60\%$					Total Mark:	_____ %

Carta Alir Penempatan PPS DALAM Hospital Latihan Siswazah

Senarai Hospital Latihan Siswazah Yang Terlibat Dalam Kawasan Greater Klang Valley
(Kemaskini 4 Ogos 2021)

Bil.	Negeri	Hospital
1.	WP Kuala Lumpur	Hospital Kuala Lumpur
2.		Pusat Perubatan Universiti Malaya
3.		Hospital Canselor Tunku Muhriz
4.		Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan
5.	WP Putrajaya	Hospital Putrajaya
6.	Selangor	Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang
7.		Hospital Selayang
8.		Hospital Kajang
9.		Hospital Serdang
10.		Hospital Ampang
11.		Hospital Sungai Buloh
12.		Hospital Shah Alam
13.	Negeri Sembilan	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban
14.		Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah
15.	Perak	Hospital Teluk Intan
16.	Pahang	Hospital Sultan Haji Ahmad Shah, Temerloh

Penempatan PPS di luar hospital bagi kawasan DALAM Greater Klang Valley



Penempatan PPS di luar hospital bagi kawasan LUAR Greater Klang Valley

